

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 JANUARI 2015 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bah Melanda: Kemuka laporan	Metro Ahad
2	Kelantan folk worry over continual rain	Sunday Star
3	Bioshoppe pameran produk Bionexus	Utusan Malaysia
4	Striving for scientific excellence	The Star
5	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga 17 Jan	Bernamea.com
6	Gempa bumi sederhana berlaku di Luzon, Filipina	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR METRO AHAD (NASIONAL) : MUKA SURAT 8 TARIKH : 11 JANUARI 2015 (AHAD)

Oleh Syah Ruf Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my
Pekan

Jawatankuasa khas bagi meneliti prosedur operasi standard (SOP) dalam pengurusan banjir diminta mengemukakan laporan pertamanya dalam masa enam bulan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, negara memerlukan SOP baru bagi menangani banjir besar jika bencana itu berulang pada masa akan datang.

Beliau berkata, usaha itu perlu sebagai penambahbaikan kepada SOP sedia ada dan ia akan meliputi skop lebih luas termasuk penempatan aset pasukan keselamatan dan ramalan cuaca.

Selain itu katanya, ia merangkumi aspek reka bentuk bangunan yang lebih selamat sekali gus mengurangkan kerugian harta benda jika sesuatu kawasan ditenggelami air.

"Jika Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai pasukan utama yang terlibat, ATM perlu lebih (banyak) kelengkapan untuk menghadapi banjir besar.

"Dari segi ramalan cuaca, kita dapat buat ramalan lebih tepat seterusnya memberikan amaran awal (kepada penduduk) dan anggota agensi terbabit boleh ditempatkan lebih awal sebelum air naik (di sesuatu tempat)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Kompleks Baitur Ra-



NAJIB bersama Rosmah membersihkan pekarangan Sekolah Kebangsaan Serambi, Pekan yang terjejas akibat banjir.

BAH MELANDA

Kemuka laporan

Jawatankuasa khas teliti SOP pengurusan bah diberi masa enam bulan

hah di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Dalam pada itu, Najib berkata, satu jawatankuasa khas dianggotai oleh pakar tempatan dari pelbagai bidang akan ditubuhkan bagi mengkaji punca banjir besar yang

melanda negara baru-baru ini.

Katanya, ia akan menyerahkan laporan pertamanya dalam masa tiga bulan selepas penubuhan dan kerajaan akan membuat penelitian sebelum mengambil langkah susulan.

"Kita tunggu laporan itu nanti. Banjir yang berlaku mungkin di-

sebabkan gabungan pelbagai faktor pada masa sama," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri meminta pakar universiti tempatan mengemblem tenaga membantu kerajaan membuat kajian menyeluruh dalam isu banjir dan tidak bergantung kepada kepakaran luar.

Sementara itu, Najib mengulangi pendirian kerajaan untuk membantu membina semula rumah mangsa banjir yang musnah sepenuhnya dalam bencana itu.

Beliau berkata, ia bagi mangsa yang kehilangan rumah di atas tapak tanah yang dimiliki.

Katanya, bagi penduduk yang kehilangan rumah di atas tanah bukan milik sendiri, kerajaan pusat akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengenal pasti lokasi sesuai bagi membina semula rumah mereka.

"Jika diikutkan, kerajaan mahukan menanggung semua kos. Jika rumah mangsa ranap sama sekali, kita akan bantu bina semula... tetapi jika rosak, kita akan cari jalan bantu mereka," katanya.

Terdahulu, Najib melawat Sekolah Kebangsaan Padang Rumbia dekat sini, yang terjejas banjir baru-baru ini serta menyertai program gotong-royong membersihkan dewan sekolah itu.

Beliau turut meluangkan masa selama 30 minit menyertai kira-kira 250 sukarelawan daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), syarikat swasta dan Najib Razak Club dalam program gotong-royong itu.

FAKTA

Jawatankuasa khas ditubuhkan bagi mengkaji punca banjir besar melanda

Kelantan folk worry over continual rain

KOTA BARU: Continual rain and rising water levels have caused more worry for the people in Kelantan, who are reeling from the worst floods they can remember.

It is still raining daily even after the floodwaters receded here.

Businesswoman Goh Shi Lim, 32 who runs a hair salon here, said she could not face another wave of floods.

"This is exactly how the flood started. After heavy rainfall, the water was up to our knees and eventually rose higher than our roof.

"We have lost everything and are trying to pick up our lives. My son is going to school and I hope his lessons will not be affected," she said.

Cleaner Nurain Razali Ishak, 57, claimed that the people of Kelantan were not prepared for another bout of floods.

"We no longer have anything to call our own. We bought a set of clothes each when the shops had their bundle sales. The amount we spent has set us back a month.

Imagine what will happen if it floods again," she said.

Restaurant owner Hua Lim Peng, 66, said he is close to breaking point.

"My house is gone. I had to close my restaurant for eight days and my pregnant daughter-in-law has been in and out of the hospital for suspected leptospirosis," he said.

He said even the wealthiest person would not be able to cope with the floods.

"If it happens again, we don't have the money or energy to cope. We can only pray," Hua added.

Areas like Kuala Krai and Rantau Panjang yesterday saw a rise in water levels of the rivers.

The Malaysian Meteorological Department, however, gave an assurance that the latest rains in the east coast should not be a cause for worry.

Its spokesman, Dr Mohd Hisham Anip, said rainfall in the morning during the east coast monsoon season was normal, adding that there was no reason for alarm as the rain would usually cease by noon.

KERATAN AKHBAR
 UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 31
 TARIKH : 11 JANUARI 2015 (AHAD)

TEKNO

BIOSHOPPE PAMER PRODUK BIONEXUS

Di setiap kedai konsep Nova mempunyai pakar pemakanan dan farmasi bagi memberikan nasihat pemakanan dan maklumat produk



N.L. PHANG

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN
 nsa.sulaiman@utusan.com.my

APABILA menyebut produk keluaran Malaysia, ramai yang mencebik, meremehkan dan tidak percaya dengan keberkesanan produk terutama apabila melibatkan makanan kesihatan daripada herba tempatan.

"Dulu saya juga ada perasaan sama terhadap produk buatan Malaysia terutama makanan kesihatan," kata Pengarah Urusan Nova Laboratories Sdn. Bhd., N.L. Phang.

Berlatar belakang sebagai ahli farmasi, Phang tidak percaya dengan perubahan herba sehingga seorang ahli keluarga mengambil herba dokong anak.

"Melihat saudara saya yang mengambil herba dukung anak atau *Phyllanthus niruri* pada tahun 1989, saya mula menjalankan kajian berkaitan pokok dukung anak dengan Mohd. Fairuz (kini Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan Nova Laboratories Sdn. Bhd.) untuk mengetahui bahan aktif di dalamnya," katanya semasa ditemui di pejabatnya di Sepang, Selangor.

Sehingga kini Nova Laboratories mengeluarkan lebih 40 produk yang telah diformulasi, dibangunkan dan dikomersialkan iaitu vitamin, herba, makanan kesihatan dan penjagaan kulit.

Phang berkata, pada tahun 2007, Nova Laboratories Sdn. Bhd., mendapat status Bionexus daripada BiotechCorp kerana terlibat dalam menghasilkan produk berdasarkan bioteknologi.

"Bagaimanapun timbul masalah pasaran kerana produk tempatan kurang mendapat sambutan dan hanya dijual di kedai jamu atau pasar malam.

"Bagi mengatasi masalah ini kami

mengambil langkah membangunkan kedai konsep Nova bagi mempromosikan produk keluaran kami. Bermula dengan kedai konsep di IOI Mall, Puchong kini Nova mempunyai enam kedai konsep.

"Lebih menarik di setiap kedai konsep Nova mempunyai pakar pemakanan dan farmasi bagi memberikan nasihat pemakanan dan maklumat produk," katanya.

Phang menambah bagi membantu usahawan bioteknologi lain terutama mereka yang bertaraf Bionexus, BiotechCorp dengan kerjasama Nova melancarkan kedai konsep Bioshoppe pertama pada Julai 2014 bagi mempromosikan lebih 80 produk berasaskan bioteknologi keluaran lebih 30 syarikat.

BioShoppe ialah kedai konsep oleh BiotechCorp bagi memasarkan dan mempromosikan pelbagai produk dan perkhidmatan berasaskan bioteknologi.

"Buat kali pertama BioShoppe diperkenalkan semasa BioMalaysia 2013 di Johor Bahru dan dilancarkan pada Julai 2014 di Nova Natural Supplement and Skincare di IOI Mall.

"BioShoppe bertindak sebagai platform di mana produk yang telah ditambah nilai oleh syarikat bertaraf Bionexus dikumpul dan dipasarkan di bawah satu bumbung," katanya.

Sasarannya ialah mengukuhkan jenama Bionexus, menggalakkan industri berasaskan bio dan membantu syarikat Bionexus bersaing dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Kedai konsep oleh BiotechCorp adalah langkah besar dalam menarik penerimaan masyarakat bagi penjagaan kesihatan dan kecantikan dengan produk bioteknologi.

Kedai Nova di IOI Mall memperkenalkan konsep kedai dalam kedai di mana produk Bionexus dipamerkan berasingan.

"Kolaborasi kami menyediakan platform bagi syarikat Bionex



KEDAI Bioshoppe memamer dan menjual pelbagai produk bioteknologi dengan status BioNexus.



SUASANA dalam salah sebuah kedai Nova.

untuk memasarkan produk mereka memandangkan sukar mendapat produk berasaskan bioteknologi tempatan di farmasi tempatan.

"Ini dapat membantu meningkatkan kesedaran dan keyakinan pengguna bagi produk

BioNexus dan Nova," katanya. Phang berkata, kehadiran produk BioNexus dan Nova di bawah satu bumbung bakal mengukuhkan jenama dan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk berasaskan bioteknologi.

Terdapat lebih 80 jenis produk kesihatan dan kecantikan daripada lebih 30 syarikat BioNexus di Bioshoppe. Ini termasuk kosmetik, farmaseutikal, penjagaan badan, produk pertanian, minuman dan makanan kesihatan serta baja.

Keunikan produk

Menurut Phang, semua produk dibangunkan menggunakan sumber asli terbaik dan *state-of-the-art technology* serta disokong dengan penyelidikan dan bukti saintifik.

"Ini bagi memastikan pengguna bukan hanya menerima produk terbaik dan berkualiti tinggi tetapi selamat dan berkesan.

"Misalnya SP8 White and Moisture Series di bawah jenama Novavis telah menjalani penyelidikan saintifik selama 15 tahun.

"Makmal penyelidikan kami telah membangunkan Ficus-WhitePro iaitu kombinasi unik pati tumbuhan daun ficus dan OPL-MoistActiv iaitu campuran istimewa pati tumbuhan yang diekstrak daripada daun kelapa sawit," katanya.

Kedua-dua tanaman mempunyai keupayaan untuk hidup melepasi tekanan persekitaran dengan menghasilkan bahan aktif dalam produk penjagaan kulit bagi melindungi kulit daripada radikal bebas dan faktor penuaan.

The Ficus-WhitePro mempunyai kelebihan antioksidan dan membantu mencerahkan kulit. OPL-MoistActiv pula membantu mengelakkan kemajuman dan keanjalan kulit.

Kombinasi kedua-dua bahan unik ini membekalkan pelbagai faedah kepada kulit tanpa memberikan kesan sampingan kepada pengguna.

Kesedaran

Bioshoppe, kata Phang telah diperkenalkan semasa pameran tempatan dan antarabangsa termasuk beberapa konvensyen Bio.

"Nova Laboratories bekerjasama dengan BiotechCorp bagi memamerkan Bioshoppe semasa pameran BIO San Diego pada Jun 2014.

"Pada Oktober 2014, produk Bioshoppe dipamerkan semasa Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) di Dubai.

Pada November 2014, Bioshoppe mengambil bahagian pada Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA), BioMalaysia dan BioEconomy Asia Pacific," katanya.

Semua ini dilihat bakal membantu mengukuhkan jenama Malaysia, Nova dan BioNexus selain kehadiran Bioshoppe di peringkat antarabangsa.

Maklum balas yang diterima amat positif apabila lebih banyak syarikat menunjukkan minat bekerjasama dengan Bioshoppe pada masa akan datang.

Bantu

Ditanya jika BioShoppe boleh membantu industri bioteknologi dan ekonomi Malaysia, Phang berkata, syarikat BioNexus kekal sebagai teras bioekonomi Malaysia yang menyumbang pelaburan sehingga RM14 bilion.

Memasarkan produk Bionexus di bawah BioShoppe dan Nova boleh membantu mengurangkan kos serta mendapat peluang pasaran lebih baik.

"Ini dapat membantu syarikat menghasilkan lebih banyak produk bioteknologi dan membantu meningkatkan pasaran produk buatan Malaysia.

"Peningkatan dan pembangunan produk berkenaan boleh membantu peniaga tempatan untuk ke pasaran antarabangsa. Buat masa sekarang terdapat lima buah kedai Nova dan terdapat rancangan untuk membuka 100 kedai dalam masa 10 tahun akan datang," katanya.



